

FAQ PERMOHONAN LESEN IMPORT (AP) SISA PLASTIK KE MALAYSIA

1. Adakah saya masih boleh memohon AP Sisa Plastik daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)?

Tidak. Bermula 2 Februari 2015, JPSPN telah diwartakan sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan AP Sisa Plastik HS3915.

2. Siapa yang boleh membuat permohonan?

Pemohon hendaklah mempunyai premis kilang dan menepati 19 syarat-syarat yang ditetapkan sebelum mengemukakan permohonan.

3. Bolehkah saya mengimport masuk sisa plastik dan membuat permohonan setelah konsaimen tiba di pelabuhan?

Tidak. AP perlu diluluskan terlebih dahulu sebelum proses pengimportan dimulakan sepertimana termaktub di dalam Jadual 2 Bahagian I, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) 2015.

4. Bagaimanakah jenis pengeluaran AP yang akan dikeluarkan?

AP akan dikeluarkan berdasarkan *single usage* dan *single consignment (per shipment)*.

5. Berapakah tempoh masa yang diambil untuk memproses surat kelulusan pengeksport?

7 hari bekerja (sekiranya dokumen lengkap diberikan).

6. Berapakah tempoh masa yang diambil untuk memproses AP?

7 hari bekerja (sekiranya dokumen lengkap dilampirkan)

7. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan untuk permohonan AP Sisa Plastik?

Lampiran 1	Gambar sebenar konsainan yang terkini, jelas dan berwarna. Tidak dibenarkan menggunakan gambar yang sama untuk setiap permohonan.
Lampiran 2	Surat kelulusan Pengeksport (Pembekal) Sisa Plastik.
	Sijil ISO Syarikat Pengeksport
	Pengesahan syarikat daripada pihak berkuasa, badan akreditasi atau organisasi disahkan (Certified body) negara pengeksport bagi menjalankan aktiviti pengeksportan sisa plastik. Sila kemukakan bersama sijil terjemahan yang disahkan institut terjemahan atau setara dengannya jika sijil bukan dalam Bahasa Inggeris
Lampiran 3	Invois asal yang bertandatangan dan cop syarikat pengeksport serta pengesahan (tandatangan dan cop) syarikat pengimport
Lampiran 4	Surat Kelulusan Sebagai Pengimport Sisa Plastik Kod Tarif HS 39.15
	Sijil ISO Syarikat Pengimport
Lampiran 5	Lesen Perniagaan Pihak Berkuasa Tempatan

8. Adakah kilang yang menghasilkan sisa plastik (pengeksport/pembekal) perlu mendapatkan sijil pengiktirafan ISO 14001?

Polisi Jabatan telah menetapkan semua pengimport perlu memastikan pengeksport (pembekal) mempunyai persijilan ISO 14000. Dokumen ISO tersebut perlu dimuatnaik bersama surat kelulusan pengeksport (pembekal) semasa permohonan Lesen Import (AP) dibuat sebagai salah satu syarat untuk mendapatkan AP.

9. Siapa boleh saya hubungi sekiranya terdapat sebarang kemusykilan?

Berkenaan permohonan AP, sila hubungi :

Bil.	Nama Pegawai	No. Telefon	Emel
1.	Cik Nurul Asyikin binti Abdul Rahman	03 – 8891 4585	asyikin@kpkt.gov.my
2.	Pn. Azzatul Azvin binti Mat Jaini	03 – 8891 4579	azzatul@kpkt.gov.my
3.	Pn. Noor Azura binti Muhamad	03 – 8891 4575	noor.azura@kpkt.gov.my
4.	Cik Nur Athirah binti Mohamad	03 – 8891 4573	nurathirah@kpkt.gov.my

Berkenaan permohonan pengeksport (pembekal), sila hubungi :

Bil.	Nama Pegawai	No. Telefon	Emel
1.	Cik Cecilia Lahong Mering	03 – 8312 4515	cecilia@swcorp.my
2.	En. Raja Mohd Radzi bin Raja Abd Jalil	03 – 8312 4589	radzi@swcorp.my

Berkenaan sistem ePermit, sila hubungi :

Dagang Net Technologies Sdn Bhd
Dagang Net Tower, Block 10 (A&B) Corporate Park,
Star Central, Lingkaran Cyberpoint Timur, Cyber 12,
63000 Cyberjaya, Selangor

Telefon: 1-300-133-133 / 03 8230 6900

Fax: 03 8230 6969

Emel : careline@dagangnet.com

Web: <http://www.dagangnet.com>